

PTPTN lebih sesuai berbanding biasiswa

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar Melayu dan bumiputera dalam menampung kos pengajian mereka di peringkat universiti dilihat lebih sesuai berbanding biasiswa bagi menyuntik motivasi yang tinggi kepada mereka untuk mencapai kecemerlangan akademik.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Muhammad Shatar Sabran berkata, pinjaman PTPTN adalah lebih efektif bagi memastikan pelajar berusaha dengan gigih untuk memperoleh keputusan cemerlang berdasarkan purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.75 ke atas sekali gus mengubah statusnya

kepada biasiswa.

"Konsep biasiswa memang baik dan begitu popular sejak 30 tahun dahulu, tetapi skopnya kini dilihat semakin mengecil kerana kewujudan PTPTN. Peluang yang diberikan kepada pelajar melalui kaedah pinjaman ini juga sangat terbuka."

"Apa yang saya lihat, konsep ini bakal melahirkan generasi Melayu dan bumiputera yang cemerlang kerana tekad mereka untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mendapatkan pengecualian bayaran balik," katanya yang dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas saranan yang dibuat oleh beberapa pihak mengenai keperluan kerajaan dalam menyediakan peruntukan dana berbentuk biasiswa kepada pelajar Melayu dan bumiputera dan

dijadikan salah satu agenda utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Mengenai peruntukan biasiswa untuk pelajar Melayu dan bumiputera yang miskin, Muhammad Shatar yang juga pakar sosial berkata, perkara tersebut wajar diberikan kerana keistimewaan berdasarkan situasi berkenaan.

Katanya, langkah tersebut merupakan tanggungjawab pihak kerajaan dalam membantu pelajar daripada keluarga miskin yang cemerlang.

"Boleh diberikan bantuan biasiswa bagi permulaan dengan syarat mereka perlu kekalkan prestasi cemerlang di peringkat universiti. Kalau itu berlaku, ini sesuatu yang lebih membanggakan," katanya.